



Rujukan Kami: KPM.BKK(KOKU).100-16/16/ 03 Jld.2 (13)

Tarikh : 29 Disember 2014

7 Rabiulawal 1436H

Kelab Antarabangsa Hiroshima Kuala Lumpur
No. 43-1A
Jalan Seri Putra 1/4,
Bandar Sri Putra, 43000 Bangi, Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**KEBENARAN MENERUSKAN PROGRAM DAN PERLUASAN PROGRAM ANJURAN
KELAB ANTARABANGSA HIROSHIMA KUALA LUMPUR DAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk surat tuan HCK.01.23/27.2 KPM/OVERSEA 2015 (1) bertarikh 4 Disember 2014 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan terhadap cadangan tuan untuk meneruskan program-program antarabangsa dan perluasan program (seperti dalam maklumat program) bagi tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya. Sokongan permohonan ini adalah dirujuk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII(9) bth. 16 Sept. 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**. Walau bagaimanapun, KPM ingin memberi beberapa cadangan berikut sebagai persediaan dan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kesejahteraan peserta program ;

- 2.1 program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar KPM;
- 2.2 kebenaran daripada Pengarah JPN dan Pengetua/Guru Besar hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang promosi di sekolah;
- 2.3 setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing;
- 2.4 peserta program hendaklah sihat tubuh badan dan betul-betul memahami objektif program serta bersedia mempelajari kebudayaan negara yang dilawati;
- 2.5 pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;
- 2.6 peserta-peserta program hendaklah diberi latihan persediaan terlebih dahulu sebelum bertolak ke negara luar;




- 2.7 pihak penganjur hendaklah memastikan supaya setiap murid sentiasa menjaga tata tertib dan tingkahlaku serta berpakaian sopan sepanjang mengikuti program;
 - 2.8 tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program;
 - 2.9 perlu ada guru pengiring perempuan yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia jika ada peserta terdiri daripada murid-murid perempuan;
 - 2.10 Laporan program hendaklah dikemukakan kepada Bahagian ini dua minggu setelah selesai program.
3. Pihak tuan juga hendaklah memastikan segala prosedur dan peraturan lawatan ke luar negara dipatuhi bagi memastikan keselamatan murid-murid semasa lawatan berada dalam kawalan pihak penganjur.

Sekian .

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”

Saya yang menurut perintah,



(ROZAINUM BITI AHMAD)

Pengarah
Bahagian Kokurikulum Dan Kesenian
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia